

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 MAC 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14

Kejatuhan SVB: Impak skala kecil di Malaysia

Kejatuhan SVB: Impak skala kecil di Malaysia

Rafizi jelaskan kerana tiada syarikat Malaysia mempunyai simpanan di bank berkenaan

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM

Keruntuhan bank Amerika Syarikat (AS), Silicon Valley Bank (SVB) boleh memberikan sedikit impak pada skala yang kecil kepada Malaysia sekiranya perkara itu menjelaskan pasaran modal dan perbankan negara berkenaan.

Bagaimanapun, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, Malaysia mungkin tidak mengalami kesan secara langsung akibat kejatuhan SVB mendangkan tiada syarikat tempatan yang mempunyai simpanan di bank tersebut.

"Kesan terus mungkin tidak, tia- da syarikat Malaysia yang ada duit di SVB. Rata-rata hanya syarikat pemula besar di Silicon Valley yang mempunyai akaun di SVB."

"Tetapi jika kejatuhan itu mengheret perbankan AS dan pasaran modal buat sementara waktu, ia mungkin memberi sedikit hambatan kepada kita walaupun pada skala yang lebih kecil," katanya dalam ciapan di Twitternya pada Isnin.

Beliau membalaas ciapan tersebut bagi menjawab pertanyaan berhubung isu gelombang keruntuhan



Krisis perbankan di AS itu secara keseluruhan impaknya minimum kepada ekonomi Malaysia kerana kurangnya pendekahan aktiviti ekonomi dan kewangan secara langsung dengan bank terlibat.

bank ke-16 terbesar di AS itu yang didakwa boleh melanda pasaran ke-wangan di negara ini.

SVB adalah bank runcit terbesar yang mengalami kegagalan sejak krisis kewangan 2008.

Masalah di bank itu meningkat selepas kenaikan kadar faedah Rizab Persekutuan (Fed) yang berlanjut selama setahun bermakna sekuriti yang dimilikinya dijual pada harga jauh lebih rendah dan masalah mungkin akan dihadapi oleh bank-bank lain.

Keruntuhan SVB, yang memberikan pengkhususan kepada pembiayaan modal teroka terutamanya dalam sektor teknologi berlaku se-

lepas pendeposit mengeluarkan sejumlah besar simpanan sehingga menyebabkan ia tidak boleh beroperasi sendiri.

Pada Isnin, pengawal selia di New York berkata, mereka telah menutup operasi satu lagi bank, Signature Bank.

Krisis itu memaksa Fed, Jabatan Perbadanan dan Federal Deposit Insurance Corp (FDIC) berikrar untuk melindungi sepenuhnya semua pendeposit dan memberikan sokongan kepada mana-mana bank yang berdepan kesukaran untuk mendapatkan tunai dengan menyediakan terma lebih mudah untuk pinjaman jangka pendek.